

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : Lisan

**DARIPADA** : Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris  
[ Jerantut ]

**TARIKH** : 19 Mei 2016

**SOALAN** : Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris minta  
**MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS  
TANI menyatakan** berapakah jumlah kerugian  
yang dialami oleh pengusaha akuakultur  
sangkar sungai di Pahang akibat El-Nino.  
Apakah tindakan Kementerian bagi  
mengurangkan impak / kesan bencana kepada  
penternak akuakultur di masa akan datang.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sehingga bulan Mei 2016 seramai 369 orang pengusaha akuakultur telah terkesan dari fenomena El-Nino dengan anggaran kerugian sebanyak RM7.29 juta. Aktiviti-aktiviti akuakultur yang terjejas melibatkan 398 unit ternakan ikan air tawar dalam sangkar, 48 buah kolam ternakan ikan air tawar dan 3 buah hatceri.

Sehubungan itu, bagi mengurangkan impak / kesan bencana El-Nino kepada penternak akuakultur di masa akan datang, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perikanan Malaysia telah dan akan mengambil langkah-langkah seperti berikut:

### Jangka Masa Pendek

- i. menggalakkan pengusaha untuk mengurangkan kadar tebaran benih dan pemberian makanan;
- ii. menuai ikan yang telah mencapai saiz pasaran;
- iii. mengubah kedudukan sangkar ke kawasan yang lebih dalam; dan
- iv. melaksanakan khidmat nasihat berterusan seperti penyediaan *aeration* menggunakan pam dan menutup sebahagian sangkar dengan bahan jaring tanaman orkid.

### Jangka Masa Panjang

- i. memaklumkan kepada pengusaha untuk menangguhkan operasi ternakan ketika berlaku fenomena El-Nino;
- ii. mengadakan kerjasama dengan Kerajaan Negeri, Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Meteorologi Malaysia dan Jabatan Alam Sekitar untuk menilai tindakan menangani dasar sungai yang semakin cetek akibat perubahan beting pasir dan aktiviti pelombongan pasir;
- iii. meminimalkan penggunaan air di dalam sistem yang terkawal (seperti kolam dan hatceri) melalui sistem air kitar semula;
- iv. membangunkan pengurusan kemarau dan banjir untuk penternak;
- v. melaksanakan kajian pembangunan baka yang mempunyai daya tahan kepada perubahan cuaca; dan
- vi. membangunkan model bagi impak perubahan iklim ke atas akuakultur dengan menjalankan kajian perubahan kualiti air, ekosistem serta plankton bagi akuakultur marin dan air tawar.